



## **Teks Ucapan Tetamu Kehormat**

**Yang Berhormat  
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin  
Abdullah,  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan  
Menteri Kewangan dan Ekonomi II**

Majlis Pelancaran Financial Fun Fair (FFF) ke-5  
Hari Sabtu, 31 Ogos 2024

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat

Datin Seri Setia Dr Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh

Menteri Pendidikan

Selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Celik Kewangan (MKCK)

Yang Mulia

Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin Bin Haji Abdul Hamid

Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi)

Selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB

Yang Mulia

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah BDCB,

Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha

Tetap

Pegawai-Pegawai Kanan,

Para jemputan, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera,

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dan agensi-agensi yang terlibat khususnya dalam jaringan Celik Kewangan Kebangsaan kerana menjemput saya pada petang ini ke Majlis Upacara Kali Ke Lima, Financial Fun Fair bagi Tahun 2024.
2. Saya difahamkan, pada tahun ini merupakan tahun ke 10 sejak Financial Fun Fair pertama diadakan. Disebabkan oleh wabak COVID-19 pada ketika itu, Financial Fun Fair tidak dapat diadakan pada tahun 2020 hingga 2023.
3. Namun begitu, objektif utama Financial Fun Fair ini masih sama dan tetap relevan, iaitu untuk meningkatkan celik kewangan di Negara Brunei Darussalam, memupuk budaya pengurusan kewangan yang bijak, serta mempromosikan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan kewangan yang terdapat di negara ini.

4. Saya merasa, ada tiga perkara yang penting kita perlu ambil perhatian bersama, dalam mencorak kehidupan kita seharian, iaitu:

**Pertama** – tentang pentingnya celik kewangan untuk mencapai kehidupan yang bebas atau tidak terbeban dengan masalah kewangan;

**Kedua** - literasi kewangan adalah berkait rapat dengan kebijaksanaan untuk mengukuhkan lagi potensi pendapatan kita; dan

**Ketiga** - kewangan dalam talian atau digital berupaya meningkatkan produktiviti individu dan perniagaan.

Para hadirin dan hadirat,

5. Celik kewangan adalah sangat penting dalam kehidupan kita dan pembangunan sesebuah negara. Rakyat yang celik wang biasanya lebih bijak dalam mengurus kewangan harian, dengan tidak terlalu terbeban dengan hutang dan mempunyai kemampuan untuk menyimpan bagi jangkamasa panjang. Ianya bukan sahaja dapat memastikan kita menikmati taraf hidup yang baik atau selesa, malah membolehkan kita

membuat keputusan kewangan yang bijak untuk keperluan harian, sama ada untuk urusan peribadi atau pun perniagaan.

6. Apa yang diharapkan dari inisiatif-inisiatif Celik Kewangan ini adalah hasilnya, dimana kita boleh mampu menghindari daripada bebanan hutang yang tidak terkawal, dapat menabung dan melabur dengan bijak dan mampu menyediakan dana kecemasan untuk mengatasi situasi yang tidak dijangka. Peniaga yang celik kewangan pula mampu mengawal kos operasi, membuat pelaburan yang memberi pulangan terbaik serta mampu memngembangkan perniagaan. Ini sudah setentu dapat mengurangkan tekanan dan kebimbangan kewangan serta meningkatkan keupayaan kita untuk mencapai matlamat hidup dan aspirasi peribadi.
7. Daripada aspek ekonomi negara, apabila individu dan perniagaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mereka cenderung untuk berbelanja dengan lebih berhemah, lantas membawa kepada kestabilan ekonomi. Pelaburan yang bijak pula membantu menggerakkan dana ke sektor yang lebih produktif, menyumbang kepada inovasi dan meningkatkan produktiviti. Ini membolehkan perniagaan

berkembang dan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan, mengurangkan pengangguran dan meningkatkan pendapatan isi rumah. Dengan pengurusan kewangan yang lebih baik, individu dan perniagaan akan lebih bersedia berdepan ketidakpastian ekonomi. Pengetahuan dan kelakuan yang positif ini seterusnya akan menyumbang kepada kestabilan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Para hadirin dan hadirat,

8. Saya percaya Financial Fun Fair ini adalah salah satu pendekatan yang inovatif untuk menjadikan Celik Kewangan yang lebih menarik, mudah akses, dan seronok untuk semua peringkat umur, terutama untuk peserta muda. Insya Allah, dengan aktiviti-aktiviti yang disediakan disepanjang fun fair ini, pengunjung-pengunjung akan memperolehi dan mempertingkatkan lagi kemahiran yang akan memberi manfaat kepada individu dan keluarga untuk masa depan.
9. Tema tahun ini, "celik kewangan digital," atau "*digital financial literacy*" adalah sangat relevan. Dalam era digital hari ini, adalah penting untuk mengetahui dan memahami cara

menggunakan perbankan dalam talian dan transaksi digital, serta langkah-langkah keselamatan siber. Lebih-lebih lagi dengan peng-integrasian pelbagai fungsi sektor kewangan secara digital yang digunakan di dalam kehidupan seharian kita, pemahaman tentang alat-alat digital ini akan membantu kita kekal yakin dan selamat dalam persekitaran yang sentiasa berubah dan melindungi diri daripada penipuan kewangan dalam talian.

10. Selaras dengan tema pada hari ini, saya difahamkan bahawa BDCB telah mengemaskinikan aplikasi mudah alih atau *mobile app* mereka dengan ciri-ciri baharu. Ini termasuk kalkulator kewangan yang boleh membantu dalam pengurusan hutang, belanjawan atau *budgeting*, dan pengiraan simpanan. Fungsi-fungsi lain yang boleh didapati termasuk akses kepada *Alert List* BDCB, senarai pemegang lesen BDCB, serta maklumat mengenai ciri-ciri keselamatan mata wang Brunei, yang diharapkan dapat memperkukuh lagi perlindungan pengguna kewangan.

11. Akhir kata, saya menggalakkan kita semua untuk mengunjungungi semua *booth*, menyertai aktiviti-aktiviti, dan yang paling penting, menimba ilmu yang bermanfaat.
12. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada BDCB dan semua yang terlibat terutama sekali agensi-agensi Kerajaan dan institusi-institusi kewangan yang turut serta dalam Financial Fun Fair ini, di atas dedikasi dan komitmen mereka dalam mempromosikan celik kewangan dan pengurusan kewangan yang bertanggungjawab.
13. Marilah kita terus menyokong inisiatif-inisiatif seperti Financial Fun Fair ini bagi meningkatkan kesejahteraan kewangan yang berterusan. Bersama-sama, kita dapat membina Negara Brunei Darussalam yang lebih celik kewangan dan lebih mampan.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.